


RAHSIA TARIKH LAHIR



**RUJUKAN ASAS
UNTUK KENALI DIRI ANDA**



Pernyataan Hakcipta:


Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian eBook ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman untuk tujuan komersial sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak Kod-Diri.com. Pihak kami boleh mengambil tindakan tegas melalui saluran undang-undang jika didapati anda melanggar hakcipta ini.

Disclaimer

Report ini dihasilkan berdasarkan pengalaman penulis sendiri dan mungkin teknik ini mempunyai persamaan dan berbezaan dengan teknik-teknik yang telah anda ketahui.

Penulis telah sedaya upaya menyediakan laporan yang terbaik di dalam report ini. Walaubagaimanapun, penulis tidak bertanggungjawab atas kerosakan/kerugian/kesilapan yang berlaku secara langsung atau pun tidak langsung selepas anda menggunakan teknik yang diterangkan. Anda dinasihatkan untuk menggunakan kebijaksanaan dan kreativiti anda sendiri untuk menggunakan teknik yang diajar di dalam laporan ini.

Laporan ini tidak ada kena-mengena dengan telekan nasib, ramalan masa depan atas apa yang berlaku ke atas nasib seseorang dan juga tidak ada berkaitan dengan perkara-perkara syirik dan khurafat yang bertentangan dengan ajaran Islam.



APA RAHSIA YANG ADA PADA TARIKH LAHIR KITA?

Semua orang ada tarikh lahir masing-masing. Tidak ada seorang pun di dunia ini tak ada tarikh lahir. Tapi tahukah anda apa rahsia yang terselindung di sebalik tarikh lahir kita.

Sebelum itu, saya nak ucapkan tahniah kepada anda kerana telah menjumpai laman web saya (www.Kod-Diri.com) atau laman blog saya (www.hamdanmohammed.com) dan telah berdaftar sebagai subscriber list saya.

Sebagai penghargaan, maka saya hadiahkan laporan percuma “Rahsia Tarikh Lahir” sebagai panduan asas untuk mengetahui watak anda, kelebihan dan keistimewaan diri anda sebagai panduan dan penyuluh kehidupan masa depan anda.

Bak kata ramai orang, “Tak Kenal, Maka Tak Cinta”. Begitu juga dengan diri kita, jika kita tak kenal diri kita yang sebenar, sukar untuk kita menyayangi diri kita sendiri. Itu yang kadang-kadang kita dengar ada orang terpaksa korbankan diri sendiri untuk orang lain, dan ada pula terpaksa “korban”kan diri sendiri sebab hidup sudah tak bermakna baginya.


Kaedah mengetahui rahsia tarikh lahir ini hanyalah mengenal pasti corak tentang sesuatu kejadian yang telah berlaku sebelum ini dan kemudian kita buat satu strategi untuk memperbaiki situasi itu.

Contohnya, di dalam menganalisa pasaran saham. Kita memerlukan alat dan kaedah untuk membuat kajian. Maka biasanya penganalisis pelaburan akan membuat kajian berdasarkan “fundamental analysis” tentang ekonomi secara global, makro, perbandingan antara industry, menganalisa laporan kewangan tahunan, menggunakan “technical analysis” untuk mengkaji corak pergerakan saham syarikat tersebut sebelum kita membuat sesuatu ramalan atau “forecasting”.

Setelah kita membuat kajian dan ramalan ini, kita tak akan berani mengatakan 100% tepat. Tetapi, setelah semua usaha dan kajian telah dilakukan, kita akan lebih berani dan yakin dengan keputusan yang kita buat dan kita akan lebih selesa dengan risiko yang mungkin kita sanggup hadapi.

Begitu jugalah dengan tarikh lahir ini, kita boleh huraikan tentang watak kita atau orang di sekeliling kita samada kita sedar atau tidak, dimana watak yang bagus kita boleh tingkatkan lagi dan sekiranya tidak bagus kita boleh perbaiki.

Kita boleh huraikan tentang potensi di dalam satu-satu jenis perniagaan kerana banyak kajian secara sedar atau tidak, kita berada di dalam satu perniagaan atau industri yang sesuai atau tak sesuai dengan elemen pada tarikh lahir kita.



Ini memudahkan kita mencapai kejayaan yang kita kehendaki. Sebab itu kadang-kadang kita jumpa orang buat perniagaan, bekerja 24 jam sehari, berusaha sangat gigih tapi perniagaan masih tetap tak naik-naik. Lebih malang lagi perniagaan terus bungkus.

Sebaliknya, kadang-kadang kita lihat di sekeliling kita, orang buat perniagaan, apa saja yang dibuat semua menjadi. Kalau jual produk, cerita serba sedikit lebih kurang, dah ada orang nak beli. Kadang-kadang tu, buat perniagaan dengan tak sengaja, bermula dengan suka-suka kemudian jadi empayar perniagaan yang hebat. Kenapa terjadi demikian?

Ini kerana mereka telah memilih perniagaan yang sesuai dengan elemen yang ada pada mereka, samada mereka sedar ataupun tak sedar, selain berkat usaha dan strategi yang sesuai dan juga disertai dengan doa.

Selain itu, melalui analisis tarikh lahir juga kita boleh merancang masa depan anak-anak kita. Kita boleh tahu psikologi cara mereka berfikir dan cara nak berkomunikasi dengan mereka.

Ada juga yang menggunakannya untuk mengenalpasti pasangan yang sesuai atau untuk lebih mengenali pasangan mereka sekarang. Boleh juga digunakan untuk memilih pekerja, rakan niaga atau bos yang sesuai dan serasi dengan kita.

Melalui kaedah ini juga, kita boleh mengenal pasti potensi masalah kesihatan untuk pencegahan atau mencari penyelesaian.

Jadi, kunci kata yang saya suka gunakan kepada sesiapa yang ingin tahu, apa yang kita boleh buat dengan tarikh lahir kita? Maka jawapan saya ialah “Kenal dan Rancang”, “Check and Balance”.

Kenalpasti kekuatan, kelemahan, potensi (bakat), ancaman dan peluang yang sememangnya ada pada diri kita.

“TUHAN TIDAK MENJADIKAN KITA DENGAN SIA-SIA”


Setiap kejadian di atas muka bumi ini ada fungsi dan kegunaannya masing-masing. Hatta, kuman atau bakteria sekali pun ada sebab dan tugasnya kenapa tuhan ciptakannya.

Jadi, kenali potensi diri kita supaya kita menjadi orang yang lebih hebat.

Saya pinjam kata-kata Azizi Ali, penulis buku kewangan no. 1 di Malaysia, **“Hidup terlalu singkat untuk menjadi orang biasa-biasa”**.

Maka... jom kita sama-sama jadi orang yang Luar Biasa Hebat!

Ringkasnya, dengan **mengetahui “Rahsia Tarikh Lahir”**, kita **boleh kenali Potensi Diri untuk mencapai Kebahagiaan, Kesihatan, Kekayaan dan Kejayaan.**



ASAL USUL KAEDAH INI

Penemuan menakjubkan ini dinamakan PYRAMICK. Ia adalah kombinasi 4 ideologi dan teori, iaitu :-

1. Teori Pythagoras tentang Numerologi (Getaran Nombor)
2. Teori Falsafah Cina – kajian kehidupan manusia lebih 5000 tahun yang lalu.
3. Penemuan Analisis Simbolik
4. 5 Elemen (Wu Xing) yang terdapat dalam buku I Ching (Air, Api, Besi, Tanah & Kayu)

Hasilnya ?

Penemuan yang menakjubkan ini adalah berkenaan watak diri sendiri dan kesan secara keseluruhan.

Dengan tarikh lahir, bulan dan tahun seseorang itu dilahirkan dan dengan penggunaan metodologi pengenalan diri serta menjumlahkan kesemua nombor kepada satu angka (Kaedah Pengiraan Greek) seseorang boleh memperolehi kesemua nombor yang terdapat di dalam gambarajah tiga segi seperti contoh yang akan saya terangkan di bawah nanti. Ini saya panggil pyramid nombor.

TEORI PYTHAGORAS


Apa Itu Numerologi ?

Ianya adalah satu kajian yang berkaitan dengan nombor dan simbol. Pada asasnya, ianya adalah satu kajian tentang misteri yang tersembunyi dibalik nombor yang boleh memberi maklumat tentang peribadi seseorang, tempat dan sesuatu perkara.

Ianya digunakan untuk menentukan sifat seseorang, kekuatan dan kelebihan dan cabaran yang mesti dilalui. Ianya juga berkaitan dengan keperluan dalaman seseorang, reaksi emosi dan cara seseorang itu berinteraksi dengan orang lain. Kajian yang melibatkan Numerologi telah bermula kira-kira 10,000 tahun yang lampau dan ianya diamalkan di zaman Egypt dan Babylon.

Di zaman Cina purba, melalui kajian buku I Ching terdapat satu penemuan berkaitan dengan corak nombor dalam setiap tahap Qi. Corak nombor ini boleh menggabungkan keharmonian alam.

Teori dan formula kemudiannya dikenalpasti dan dikira. Ini telah menjadi asas kepada cara menilai dan memahami persekitaran.



Kira-kira 2600 tahun dahulu di Greece, Pythagoras iaitu Bapa Matematik menulis yang nombor meletakkan satu had kepada sesuatu, ianya berkaitan dengan alam sekeliling dan semua konsep boleh diluahkan melalui nombor. Beliau menerangkan tentang kualiti dan hubungan setiap 9 nombor itu.

Beliau adalah bapa kepada Numerologi Moden.

Kajian berusia beribu-ribu tahun lamanya telah direkodkan melalui pelbagai sumber dari Parsi, China, Yunani dan Mesir telah diuji pada hari ini secara saintifik dan antara kaedah yang diterjemahkan kepada kaedah moden seperti NLP (Neuro-Linguistic Program) dan kajian astronomerologi yang kadang-kadang disalah tafsirkan sebagai meramal nasib walaupun tidak ada sebarang amalan meramal nasib yang diajar.

Apa yang kita lakukan ialah kita memahami getaran setiap satu nombor dari 1 hingga 9 yang ada pada tarikh lahir kita dan kita akan dapat mengenal pasti satu corak (pattern) tentang karektor kita dan sekiranya karektor itu positif, semestinya hasilnya adalah positif dan begitulah sebaliknya.

Bagaimana Numerologi Berfungsi

Kesemua yang terdapat di alam semesta bergerak mengikut frekuensi masing-masing. Sekiranya kita dapat tahu tahap pergerakan dan kelajuan setiap objek di alam semesta, kita boleh mengetahui kualiti dan tenaga yang terdapat di dalamnya. Dengan mempraktikkan prinsip Numerologi dan menggunakan tarikh kelahiran sebagai data asas, kita boleh menentukan tahap frekuensi bagi setiap orang.


Analisis Numerologi tentang pengiraan frekuensi memberi maklumat tentang sifat dan kelakuan seseorang.

Di dalam kajian kaedah tarikh lahir, ianya adalah himpunan kajian tentang tingkah laku manusia mengikut respon Getaran Nombor!

Jangan rasa pelik sebab ianya mungkin satu terminologi yang asing bagi kita, tetapi sebenarnya bukan baru. Semua benda atau makhluk ada getaran (Vibration).


Kalau kita tidak ada getaran atau getaran itu terhenti, bermakna dah sampai masa untuk kita dikapankan. Setiap satu makhluk di atas muka bumi ini ada hubungan antara satu sama lain melalui gelombang frekuensi, magnet dan getaran.

Contohnya air pasang surut ada kaitan dengan pergerakan bulan dan matahari yang mana ada kaitan dengan sistem badan manusia secara fizikal, mental atau spiritual samada kita sedar ataupun tidak.



KAEDAH KIRAAN RAHSIA TARIKH LAHIR

Cara Kiraan:




Nota :

O - adalah Nombor Chasis Anda

Jika lahir pada **tahun 2000**, maka kiraannya adalah “**2+0 = 2**” dan “**0 + 0 = 5**”


Jadikan jumlah dua digit yang dicampur menjadi satu digit sahaja.

Contoh: Jika $2 + 8 = 10$, maka jadikan “1”





Contoh Kiraan 1:

Tarikh Lahir : **10 Julai 1980**



Contoh Kiraan 2:

Tarikh Lahir: **17 Nov 1967**



Kira Kod-Diri Anda :

Tarikh Lahir Anda: _____

□ □	□ □	□ □	□ □
-----	-----	-----	-----

□ □	□ □
□	□
□	

□ = □ □	□ □ = □
---------	---------

□	□
□	

Nombor Chasis=

Tarikh Lahir Isteri / Pasangan Anda: _____


□ □	□ □	□ □	□ □
-----	-----	-----	-----

□ □	□ □
□	□
□	

□ = □ □	□ □ = □
---------	---------


□	□
□	

Nombor Chasis=



TAFSIRAN ASAS “NOMBOR CHASIS”

Nombor Chasis	Tafsiran Asas
1	<p>SENDIRI Bijak, memang dilahirkan sebagai pemimpin, kreatif, banyak idea baru, berani, berdikari, positif, individualistic, perfectionist, agresif, sentiasa nak menang, keras kepala, ego yang tinggi, terlalu terus terang, sentiasa rasa dia betul.</p>
2	<p>SUARA Jujur, pembersih, lembut, tenang, pendengar tapi tak semestinya buat, memahami, penyabar, mudah dibuat kawan dan berkawan, diplomasi, suka bersimpati, boleh dipercayai, mudah memaafkan, pemalu, terlampau sensitive, cemburu, susah buat keputusan, tidak tetap pendirian.</p>
3	<p>AKTIF Popular, cepat siapkan kerja tapi tak sempurna, baran, agresif, kurang tegas, perhubungan rapuh, mudah berkawan, suka ikut fesyen, bersemangat, mudah teruja, kreatif, egois, suka mengarah.</p>
4	<p>RANCANG / ILMU Kemahiran yang tinggi, bijak, tidak mudah putus asa, sukar simpan wang, perhubungan mudah putus, bersangka buruk pada orang, bangga, rajin, keras kepala (degil), kedekut, setia, suka kerja rutin, logical, tak berani ambil risiko.</p>
5	<p>MENCARI (ARAH) Kuat kerja (workaholic), pemimpin, keras kepala, berpangkat tinggi, adventurous, bercita rasa tinggi/mewah, bijaksana, berfikiran jauh, berani ambil risiko, suka/minat berniaga, boros, suka bertanggung, berkira.</p>
6	<p>WANG Gila duit, citarasa mewah, berdikari, mahu menguasai, tidak mementingkan diri, suka duduk di rumah, bijak, jujur, berperikemanusiaan, penyayang, tamak.</p>
7	<p>KAWAN / PENGIKUT Suka bertelagah, cerewet, popular, tarik penyokong, percaya kepada mistik, moody, pemalu, suka mengasingkan diri, analitikal, suka berfikir, kekuatan kerohanian.</p>
8	<p>TANGGUNGJAWAB & TEKANAN Bertanggungjawab, pendiam tapi ramai kawan, boleh dipercayai, suka kebebasan dan kuasa, keras kepala, ada sifat kepimpinan, suka terurus dan kemas, suka membantu dan baik hati, gila wang, ego, mudah tertekan, kekuatan deria rasa ke-6.</p>
9	<p>KEJAYAAN Pandai PR, bergaya kemas, tarik simpati orang tua, bijak, kesunyian, sensitif, ikhlas, berbakat, ada sifat kepimpinan, penyayang.</p>



PENUTUP

Apa yang telah dijelaskan di atas adalah perkara asas berkenaan Rahsia Tarikh Lahir. Sebenarnya masih banyak lagi rahsia-rahsia yang terselindung di sebalik nombor-nombor tarikh lahir kita yang tidak dapat saya jelaskan di ruangan ini.

Cukup sekadar untuk anda memahami siapa diri anda sebenarnya.

Jika anda inginkan analisis yang lebih mendalam, anda boleh berguru sendiri dengan hadirkan diri ke Workshop Rahsia Tarikh Lahir yang dikendalikan oleh *Dr. Azizan Osman, Pengasas & Moderator, Workshop Rahsia Tarikh Lahir & Intensif Rahsia Kuasa Minda Jutawan.*

=====

Untuk menghadiri SEMINAR KENALI POTENSI DIRI 2010, sila dapatkan TIKET PERCUMA pada link di bawah:


www.kod-diri.com/skpd2010

**Bagaimanapun, tempahan tiket bergantung kepada kekosongan tempat yang masih ada. (Siapa Cepat Dia Dapat !)*

=====

Dalam masa yang sama, anda boleh semak email box anda kerana saya akan hantarkan artikel-artikel yang ditulis oleh Dr. Azizan Osman berhubung dengan rahsia tarikh lahir.

Akhir kalam, saya berharap anda cuba teroka lagi lebih mendalam dan bongkarkan lagi rahsia-rahsia yang terdapat pada tarikh lahir anda. Sebenarnya, dalam nombor-nombor kod-diri anda yang telah dikeluarkan, terdapat seribu macam rahsia yang anda wajib ketahui.



Saya akan keluarkan **eBook Rahsia Tarikh Lahir Lanjutan** untuk mengupas lebih terperinci tentang Kehebatan, Kelemahan dan Potensi diri anda. Bagaimana untuk mengawal dan mengatasi kelemahan pada diri anda, bagaimana untuk memaksimumkan potensi diri yang sememangnya anugerah Ilahi kepada kita semua. Bagaimana untuk mengenalpasti perniagaan, kerjaya dan pasangan yang sesuai dengan anda... dan banyak lagi...

Tunggu kemunculannya...!

Sekian, salam kejayaan.

HamdanMohammed

Hamdan Mohammed

www.Kod-Diri.com

www.HamdanMohammed.com

p.s. : Jangan lupa untuk mengunjungi blog HamdanMohammed.com untuk mengetahui informasi terkini dari saya.

